

angan  
erlalu  
asa  
ertekan

2  
MENTERI Belia dan Su-  
an, Datuk Seri Najib Tun  
azak, tidak mahu pesilat  
negara merasa begitu ter-  
tekan untuk memenangi  
pingat emas apabila turun  
ke perlawanan akhir, pe-  
rang ini.

*SURHAN SIA*  
Katanya, jangan terlalu  
memikirkan tentang keja-  
yaaan cemerlang rakan-ra-  
kan pasukan taekwondo  
dan karate-do, tetapi perlu  
bersikap tenang jika mahu  
berjaya.

**30 AUG 1989**  
"Keupayaan tujuh pesi-  
lat mara ke perlawanan  
akhir sudah cukup baik.  
Tetapi, diharapkan mere-  
ka berusaha dengan lebih  
baik untuk mengutip  
pingat emas," kata mente-  
ri itu, semalam.

Datuk Seri Najib berha-  
rap agar kejayaan rakan-  
rakan lain menjadi pendo-  
rong kepada pesilat  
negara untuk mencatat ke-  
menangan gemilang bagi  
negara.

*B. Harlan (M)*  
"Mengikut andaian saya,  
jika pesilat dapat mengu-  
tip sekurang-kurang lima  
pingat emas, peluang ne-  
gara mengutip lebih 60  
pingat emas akan dicapai,"  
katanya.

Beliau mengakui  
tanggungjawab yang dipi-  
kul oleh tujuh pesilat itu  
berat, tetapi jangan terlalu  
merasa tertekan kerana ia  
boleh memberi kesan sam-  
pingan di segi psikologi.

## Wasit silat tidak tegas?

PENGURUS-PENGURUS pasukan ne-  
gara peserta silat olahraga Sukan SEA  
XV menyifatkan wasit (pengadil) tidak  
tegas ketika mengendalikan pertan-  
dingan di Dewan Serbaguna, Petronas  
Bangi, yang bermula 24 Ogos lalu.

Menurut mereka, wasit perlu diberi  
pendedahan lebih meluas kepada kejo-  
hanan tempatan dan antarabangsa supaya  
mereka lebih mahir apabila diberi tugas,  
terutama di pertandingan antarabangsa  
seperti ini.

Pengurus pasukan Brunei Darussa-  
lam, Haji Mohd Zapar Shamsuddin, ber-  
kata untuk menjamin pengadilan itu  
mengikut peraturan sebenar, amat wajar  
jika hanya wasit yang memiliki sijil wa-  
sit antarabangsa diberi tugas.

Menurutnya, dalam Sukan SEA ini ada  
wasit yang gugup dan lembap membuat  
arahan tangan selepas seseorang peserta  
jatuh.

"Kadangkala wasit tidak dapat mem-

buat keputusan tepat mengenai peserta  
yang dijatuhkan berhampiran garisan,"  
kata beliau, yang menjadi wasit pada Su-  
kan SEA di Jakarta dua tahun lalu.

Pengurus pasukan silat dari Indonesia,  
Rustadi Effendi pula berkata, wasit yang  
mengadili pertandingan yang ber-  
langsung ini seolah-olah kurang latihan  
seperti menyaksi atau mengadili pertan-  
dingan.

**31 AUG 1989**

Beliau dapati wasit di gelanggang Su-  
kan SEA ini kurang teliti ketika memberi  
arahan tangan selepas peserta negara  
tertentu jatuh.

*B. Harlan (M)*

Pengurus dari Thailand, Khawachai  
Wattanasuk, berkata beliau tidak puas  
hati kerana keputusan wasit bercanggah  
dengan peraturan sebenar.

"Sebagai contoh, wasit memberi ara-  
han tangan sah ketika peserta negara ter-  
tentu jatuh, sebaliknya peserta itu sudah  
terkeluar daripada garisan," kata beliau.

## Jika kena benjol kepala

*Sukany SEA* *Harlan* *Yusoff*  
SEORANG pegawai pesilat Brunei, yang cuba  
menghentikan perlawanan rakannya, Samahani  
Mohamed Yusoff dengan pesilat Malaysia, Wan  
Aminuddin Baki, melontarkan tuala ke dalam  
gelanggang. Tetapi 'tuala' yang dipegang itu se-  
benarnya tin minuman ringan yang hampir me-  
ngena para wartawan ringan yang duduk berdeka-  
tan. Kalau kena kepala tentulah benjol.

*PENCARI*  
Pegawai-pegawai keselamatan yang berada  
di situ segera membawa pegawai Brunei tadi ke  
satu sudut dan memberi amaran kepadanya. Ini-  
lah gara-gara tidak berhati-hati ketika hendak  
membuat sesuatu perkara.

**31 AUG 1989**